



AHMAD SYAHRUL DERAUH | BERITA HARIAN



“Mereka hendak menunggu sampai berlaku kejadian tidak diingini seperti kehilangan nyawa baru hendak memperbaikinya”

Lim See Ngan
Penduduk



“Jika kenderaan rosak tidak mengapa, tetapi kita kawatir ia akan menyebabkan kecederaan dan kehilangan nyawa. Siapa yang mahu menjawab”

R Morthy
Penduduk

MAKIN LEBAR: Hakisan tebing anak Sungai Temiang hampir merosakkan jalan di Kampung Bukit Tembok.

Hakisan tebing ancam penduduk Bukit Tembok

BH 16/11/06

Hujan setiap hari punca jambatan konkrit retak, ancam nyawa pengguna laluan pintas ke pusat bandar

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Kejadian hakisan tebing anak Sungai Temiang di Kampung Bukit Tembok, di sini sudah hampir dua tahun berlalu tetapi hingga hari ini tiada sebarang tindakan diambil bagi memperbaikinya.

Kegagalan itu menyebabkan hakisan di kawasan tebing berkenaan semakin membesar hingga sudah merosakkan sebahagian jalan di kampung berkenaan yang menjadi laluan alternatif atau pintasan ke Rasah, Ampangan dan pusat bandar.

Lebih membimbangkan, hujan yang melanda setiap hari sejak kebelakangan ini mungkin menyebabkan hakisan bertambah buruk dan ini merunsingkan penduduk terutama yang tinggal berdekatan tebing anak sungai berkenaan.

Malah, kejadian hakisan tanah juga menyebabkan jambatan konkrit yang dibina bagi menyeberangi anak sungai berkenaan untuk ke jejantas berdekatan turut retak dan sebahagiannya runtuh.

Tinjauan *Sentral* mendapati, pihak berkuasa hanya meletakkan tanda amaran dengan menggunakan pita pelekat serta meletakkan tong dan besi penghadang di tepi laluan yang dihakis.

Seorang penduduk, Lim See

Ngan, 72, berkata penduduk sudah berkali-kali membuat aduan kepada pihak berkuasa termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Kepayang, Chan Khee Voon tetapi tiada sebarang tindakan.

“Setiap kali kami buat aduan, alasan sama diterima iaitu belum ada peruntukan. Takkan sampai hari ini pun, peruntukan tidak ada lagi bagi memperbaiki masalah itu.

Seorang penduduk, R Morthy, 47, berkata kejadian hakisan yang berlaku hingga sudah menghakis jalan amat membimbangkan terutama kepada pengguna laluan berkenaan, apatah lagi, jalan di kampung berkenaan sempit.

“Kita bimbang berlaku kejadian tidak diingini terutama kepada pengguna yang menggunakan laluan ini yang tidak dapat melihat tanda amaran menyebabkan kenderaan mereka terperosok ke dalam anak sungai.

Katanya, jambatan konkrit yang sudah retak dan sebahagiannya runtuh juga membimbangkan terutama kepada pelajar sekolah.

“Jambatan konkrit itu baru lima tahun dibina, tetapi sejak enam bulan lalu ia sudah retak dan sebahagiannya runtuh disebabkan hakisan tanah di tebing anak sungai.

“Kita berharap pihak berkuasa

membuka mata melihat masalah kami dan mengatasinya,” katanya yang turut tidak berpuas hati dengan kemudahan lain seperti jalan raya walaupun kampung itu terletak dalam kawasan bandar.

Sementara itu, Chan berkata, beliau sudah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah hakisan itu termasuk bertemu Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) bagi membantu.

“Bagaimanapun, JPS memaklumkan kawasan anak sungai itu bukan di bawah bidang seliaan dan kuasa mereka, sebaliknya meminta saya berjumpa Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

“Saya sudah bertemu MPS dan mereka juga memaklumkan kawasan itu bukan tanah mereka, sebaliknya ia hak milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

“Jadi, saya sudah memaklumkan kepada KTMB mengenainya tetapi hingga hari ini saya belum menerima jawapan lagi,” katanya yang berharap syarikat itu dapat membantu mengatasi masalah hakisan itu.

Katanya, berdasarkan gambaran awal ketika melawat tempat kejadian bersama jurutera MPS, mereka menganggarkan kos perbelanjaan yang diperlukan bagi memperbaiki hakisan berkenaan ialah sekitar RM2 juta.



BAHAYA: Jejantas konkrit hampir runtuh.



PERLU DIBAIKI: Jalan di Kampung Bukit Tembok rosak dan tidak rata.